SPPP menerima kunjungan YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia pada 11 Januari 2020. Lawatan kerja YB Menteri ke SPPP adalah untuk mengetahui perkembangan lanjut mengenai industri kruis dan projek pembesaran SPCT (Swettenham Pier Cruise Terminal) serta pembangunan kawasan sekitar SPCT. Lawatan kerja ini disertai oleh Pengerusi SPPP, Tuan Jeffrey Chew Gim Eam, Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi, Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Encik Sasedharan Vasudevan, EXCO Negeri Pulau Pinang dan pegawai-pegawai kanan SPPP, Kastam dan PPSB.

MAJLIS PENGHANTARAN PULANG SISA PLASTIK DI PKBU

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah menghantar pulang 150 buah kontena sisa plastik ke negara pengekspor yang kebanyakannya dari Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada dan Sepanyol. Pelabuhan Pulau Pinang telah menjadi salah satu pelabuhan utama untuk proses penghantaran tersebut selain dari Pelabuhan Klang dan Sarawak.

Majlis penghantaran pulang sisa plastik di Pelabuhan Pulau Pinang telah diadakan di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) dan telah disaksikan oleh Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim iaitu YB Yeo Bee Yin pada 20 Januari 2020.

FINANCIAL PERFORMANCE

Total income of PPC on December 31, 2020 was RM29,879,110, which constitutes an increase of RM1,147,156/3.99% compared to RM28,731,954 as on December 31, 2019. This is due to the increase in lease rental received in 2020.

Total expenditure as on December 31, 2020 was RM23,260,103, which has increased by RM868,937/3.88% as compared to December 31st, 2019 of RM22,391,130. This increment is due to the increase in the depreciation of current assets for additional land newly alienated to PPC in 2019 and 2020.

Surplus after tax of PPC until December 31, 2020 is RM6,141,651, which is an increase of RM396,675/6.90% compared to December 31st, 2019, which is RM5,744,976.

PPC ACTIVITIES AND ACHIEVEMENTS IN 2020

THE MINISTER OF FINANCE VISITED PENANG PORT COMMISSION

PPC received a visit from YB Tuan Lim Guan Eng, Minister of Finance Malaysia on January 11, 2020. The Minister's working visit to PPC was to learn about the further developments on the cruise industry and the SPCT (Swettenham Pier Cruise Terminal) expansion project as well as the development of the surrounding area. The working visit was accompanied by PPC Chairman, Mr. Jeffrey Chew Gim Eam, PPC General Manager, Puan Monaliza binti Suhaimi, PPSB Chief Executive Officer, Mr. Sasedharan Vasudevan, Penang State EXCO and senior officers of PPC, Customs and PPSB.

PLASTIC WASTE RETURN DELIVERY CEREMONY AT PKBU

The Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change has returned 150 plastic waste containers to exporting countries, mostly from France, the United Kingdom, the United States of America, Canada and Spain. Penang Port is one of the main ports for the returning process apart from Port Klang and Sarawak.

The plastic waste return delivery ceremony at Penang Port was held at North Butterworth Container Terminal (NBCT) and witnessed by the Minister of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change, YB Yeo Bee Yin on January 20, 2020.

Beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia memandang serius isu kemasukan sisa plastik haram ke negara ini. Turut serta di dalam majlis tersebut ialah Pengerusi SPPP, Tuan Jeffrey Chew Gim Eam, Pengerusi PPSB dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan agensi-agensi berkaitan.

SPPP TERIMA SIJIL MOST PRODUCTIVE ORGANISATION DARI MPC

SPPP telah menerima sijil pengiktirafan Most Productive Organisation in Northern Region dari Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 20 Januari 2020.

Penyampaian sijil tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar pada program Hari Amalan Baik Peraturan (GRP) Wilayah Utara 2020.

Majlis tersebut telah diadakan di pejabat MPC Wilayah Utara di Bertam, Kepala Batas yang turut melibatkan penyertaan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta yang lain.

MAJLIS PELANCARAN NAIK TARAF SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL

SPPP dan PPSB telah mengadakan Majlis Pelancaran Naik Taraf Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) bertempat di Waving Gallery, SPCT pada 11.30 pagi pada 1 Februari 2020. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri 1, YB. Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Menteri Kewangan Malaysia YB Tuan Lim Guan Eng dan Menteri Pengangkutan Malaysia YB Tuan Loke Siew Fook. Turut serta di dalam majlis tersebut ialah Pengerusi SPPP, Tuan Jeffrey Chew Gim Eam, Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi, Y.Bhg. Dato' Syed Mohamad Syed Murtaza, Pengerusi PPSB, Pengarah Urusan Kumpulan MMC Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh dan Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Encik Sasedharan Vasudevan.

Majlis ini diadakan susulan perjanjian usahasama yang telah ditandatangani oleh PPSB dan Royal Caribbean Cruises Ltd. (RCCL) pada 6 September 2018. Projek naik taraf ini melibatkan pemanjangan dermaga ke sebelah utara terminal dengan penambahan 220 meter dari struktur asal. Ia akan membolehkan dua buah kapal kruis bersaiz 'Oasis' untuk berlabuh pada satu-satu masa. Selain itu, projek naik taraf ini turut melibatkan penstrukturan semula terminal sedia ada bagi meningkatkan kecekapan pengendalian penumpang, pembangunan gudang-gudang lama bagi tujuan aktiviti komersil dan kemudahan Ground Transport Area (GTA). Kos keseluruhan projek ini ialah RM177 juta dan akan mengambil masa 24-36 bulan untuk disiapkan. Apabila siap, SPCT dijangka akan dapat menampung sehingga 12,000 orang penumpang kruis berbanding 8,000 orang pada masa kini.

She reiterated that the Malaysian Government views the smuggling of illegal plastic waste into the country seriously. The ceremony was also attended by PPC Chairman, Mr. Jeffrey Chew Gim Eam, Chairman of PPSB and senior officials from the Department of Environment, Solid Waste Management Corporation and related agencies.

PPC RECEIVED THE MOST PRODUCTIVE ORGANIZATION CERTIFICATE FROM MPC

PPC has obtained the Most Productive Organisation in Northern Region recognition from the Malaysia Productivity Corporation (MPC) on January 20, 2020.

The presentation of the certificate was officiated by the Penang State Secretary, YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar at the Northern Region Good Regulatory Practice Day (GRP) 2020.

The event which was held at the MPC Northern Region office in Bertam, Kepala Batas also involved the participation of several government agencies and other private sectors.

LAUNCHING CEREMONY OF SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL UPGRADING PROJECT

PPC and PPSB launched the Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) Upgrading Project at the Waving Gallery, SPCT on February 1, 2020. The ceremony was inaugurated by YAB Tuan Chow Kon Yeow, Chief Minister of Penang. The event was also attended by Deputy Chief Minister 1, YB Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Minister of Finance, YB Tuan Lim Guan Eng and Minister of Transport Malaysia, YB Tuan Loke Siew Fook. Also present was the Chairman of PPC, Tuan Jeffrey Chew Gim Eam, General Manager of PPC, Puan Monaliza binti Suhaimi, Y. Bhg. Dato' Syed Mohamad Syed Murtaza, Chairman of PPSB, Director of MMC Group, Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh and Chief Executive Officer of PPSB, Mr. Sasedharan Vasudevan.

The event was held following a joint venture agreement signed by PPSB and Royal Caribbean Cruises Ltd. (RCCL) on September 6, 2018. The upgrading project involved the extension of another 200 metres of wharf to the north of the terminal. This upgrade will enable two Oasis-sized cruise ships to berth at any one time. In addition, the upgrading project also involved the restructuring of existing terminals to improve passenger handling efficiency, development of old warehouses for commercial activities and Ground Transport Area (GTA) facilities. The total cost of this project is RM177 million and is expected to complete within 24-36 months. Upon completion, SPCT is expected to be able to accommodate up to 12,000 cruise passengers compared to the current capacity of only 8,000 passengers.

TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN LAWAT SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar telah mengadakan lawatan kerja satu hari ke SPPP. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mengenal dengan lebih dekat Pelabuhan Pulau Pinang serta meninjau perkembangan terkini di pelabuhan.

LAWATAN PENERUSI SPPP KE TERMINAL FERI PANGKALAN SULTAN ABDUL HALIM DAN PANGKALAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah mengadakan lawatan ke terminal feri di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth pada 8 Mei 2020. Lawatan ini adalah bagi meninjau operasi perkhidmatan feri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) agar sentiasa mematuhi syarat dan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Semasa lawatan tersebut, beliau telah diberikan taklimat oleh Encik Osman Amir dari Rapid Ferry Sdn. Bhd. Beliau juga turut melawat Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) bagi meninjau operasi kendalian kontena.

KETUA MENTERI PULAU PINANG MELAWAT PELABUHAN PULAU PINANG DAN OPERASI FERI

Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow telah mengadakan lawatan ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) dan terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim pada 16 Mei 2020. Beliau telah disambut oleh Pengerusi SPPP Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, Pengurus Besar SPPP Puan Monaliza binti Suhaimi, Ketua Pegawai Eksekutif PPSB Encik Sasedharan Vasudevan dan para pegawai kanan SPPP serta PPSB.

Turut serta bersama rombongan beliau ialah Datuk Bandar Seberang Perai, Dato' Seri Haji Rozali Haji Mohamud dan beberapa orang Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Lawatan tersebut adalah bagi meninjau operasi pelabuhan serta perkhidmatan feri sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PENERUSI SPPP ADAKAN LAWATAN KE DERMAGA PRAI

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah mengadakan lawatan ke Dermaga Prai yang menjadi tempat pusat perdagangan tukar barang (barter trade) di Pelabuhan Pulau Pinang. Lawatan beliau adalah untuk meninjau kemajuan pembangunan semasa di kawasan tersebut.

DEPUTY MINISTER OF TRANSPORT VISITED PENANG PORT COMMISSION

Malaysian Deputy Minister of Transport, YB Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar paid a one-day working visit to PPC. The purpose of the visit was to get an overview of Penang Port and to oversee the latest development at the port.

PPC CHAIRMAN VISITED SULTAN ABDUL HALIM FERRY TERMINAL AND NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL

The Chairman of PPC Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng paid a visit to the ferry terminal at Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth on May 8, 2020. The visit was to review the operation of ferry services during the Conditional Movement Control Order (CMCO) to ensure compliance to the conditions and SOPs set by the Ministry of Transport Malaysia. During the visit, he was briefed by Mr. Osman Amir from Rapid Ferry Sdn. Bhd. He also visited North Butterworth Container Terminal (NBCT) to review the container handling operations.

CHIEF MINISTER OF PENANG VISITED PENANG PORT AND FERRY OPERATIONS

The Chief Minister of Penang, YAB Mr. Chow Kon Yeow paid a visit to North Butterworth Container Terminal (NBCT) and Sultan Abdul Halim Ferry Terminal on May 16, 2020. He was welcomed by PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, PPC General Manager Puan Monaliza binti Suhaimi, PPSB Chief Executive Officer Mr. Sasedharan Vasudevan and senior officers of PPC and PPSB.

His entourage included the Mayor of Seberang Perai, Dato' Seri Haji Rozali Haji Mohamud and several Penang State Executive Councillors. The purpose of the visit was to review the port operations and ferry services during the implementation of the Movement Control Order (MCO).

PPC CHAIRMAN VISITED PRAI WHARF

PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng paid a visit to Prai Wharf which is the centre of barter trade in Penang Port. His visit was to oversee the progress of the current development in the area.

PENGERUSI SPPP ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, iaitu Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas di Seri Mutiara, Pulau Pinang pada 28 Mei 2020.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Pengerusi SPPP berpeluang untuk bertanya khabar, beramah mesra dan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada TYT Tun.

PENGERUSI SPPP LAWAT PANGKALAN KARGO PUKAL PERAI

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah melawat Pangkalan Kargo Pukal Perai (PBCT) pada 30 Mei 2020. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau operasi pelabuhan di PBCT sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memastikan kendalian kargo import terutama yang melibatkan bekalan makanan dari pelabuhan ke kilang-kilang tidak tertangguh dan terjejas.

PENGERUSI SPPP LAWAT LIMBUNGAN BAGAN DALAM

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah melawat Limbungan Bagan Dalam pada 3 Jun 2020. Semasa lawatan tersebut, beliau telah diberi taklimat oleh Ketua Operasi Rapid Ferry mengenai fungsi limbungan tersebut yang merupakan tempat untuk menyelenggara dan membaiki feri.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN, JABATAN PERDANA MENTERI LAWAT PELABUHAN PULAU PINANG

Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi bersama-sama dengan wakil daripada PPSB pada 6 Jun 2020 telah menerima kunjungan lawatan rasmi daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri iaitu Y. Bhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan dan Urusetia Pasukan Naziran Sasaran Penting Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT).

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat serta meninjau kesiapsiagaan keselamatan di NBCT khususnya dan Pelabuhan Pulau Pinang amnya dalam mendepani sebarang krisis terutamanya sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat akibat ancaman pandemik Covid-19.

PPC CHAIRMAN MADE A COURTESY VISIT TO THE GOVERNOR OF PENANG

The Chairman of PPC, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng paid a courtesy call on His Excellency the Governor of the State of Penang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas at Seri Mutiara, Penang on May 28, 2020.

During the courtesy call, the Chairman of PPC had the honour for productive interactions and exchanged wishes for Eid celebration.

PPC CHAIRMAN VISITED PERAI BULK CARGO TERMINAL

PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng visited Perai Bulk Cargo Terminal (PBCT) on May 30, 2020. The purpose of the visit is to observe the port operation at PBCT during the Conditional Movement Control Order (CMCO) to ensure the smoothness of operations involving the supply of food from the port to the factories.

PPC CHAIRMAN VISITED BAGAN DALAM DOCKYARD

PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng visited Bagan Dalam Dockyard on June 3rd, 2020. During the visit, he was briefed by Rapid Ferry's Head of Operations on the functions of the shipyard which is to provide ferry maintenance and repairs.

SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL, PRIME MINISTER'S DEPARTMENT VISITED PENANG PORT

PPC General Manager, Puan Monaliza binti Suhaimi together with representatives from PPSB on June 6, 2020 had received an official visit from the Senior Deputy Secretary General, Prime Minister's Department, Y. Bhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan and the Secretariat of the Key Target Inspection Team of the Chief Government Security Officer of Malaysia (CGSO) at the North Butterworth Container Terminal (NBCT).

This visit aimed to garner information and oversee the security readiness during the Conditional Movement Control Order (CMCO) particularly at NBCT and Penang Port in general.

PENGERUSI SPPP LAWAT JETI MINYAK SAYUR, DERMAGA BUTTERWORTH

Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng telah melawat Jeti Minyak Sayur (VOTP) di Dermaga Butterworth pada 11 Jun 2020. Dalam lawatan tersebut, beliau telah diberikan taklimat oleh Ketua Pegawai Operasi PPSB iaitu Tuan Haji Radhi bin Mohamad mengenai prestasi terminal tersebut.

PENGARAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PULAU PINANG LAWAT PKBU

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang (JKDM), Tuan Abdul Halim bin Ramli telah mengadakan lawatan rasmi ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PBKU) pada 16 Jun 2020. Beliau telah disambut oleh Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi, Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Encik Sasedharan Vasudevan dan para pegawai kanan SPPP dan PPSB.

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN LAWAT PELABUHAN PULAU PINANG

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee telah mengadakan lawatan kerja ke Dermaga Butterworth, Pelabuhan Pulau Pinang pada 19 Jun 2020. Lawatan kerja tersebut adalah bagi melihat dan memantau status perkembangan industri perikanan negara. Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada program beliau untuk meninjau industri tuna di Pulau Pinang.

Turut mengiringi beliau di dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan iaitu Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman, Setiausaha Bahagian Kementerian iaitu Encik Abdul Majid bin Mat, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Haji Munir bin Mohd Naw, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu YM Raja Khalid bin Raja Ariffin dan Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Delegasi tersebut telah disambut oleh Pengerusi SPPP iaitu Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, Pengurus Besar SPPP Puan Monaliza binti Suhaimi dan para pegawai kanan SPPP. Turut bersama di dalam lawatan tersebut ialah Ketua Pegawai Operasi PPSB iaitu Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

PPC CHAIRMAN VISITED VEGETABLE OIL TANKER PIER, BUTTERWORTH WHARVES

Chairman of PPC, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng visited Vegetable Oil Tanker Pier (VOTP) at the Butterworth Wharves on June 11, 2020. During the visit, he was briefed by the Chief Operating Officer of PPSB, Tuan Haji Radhi bin Mohamad on the terminal's performance.

DIRECTOR OF THE ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT PENANG VISITED NBCT

The Director of Royal Malaysian Customs Department Penang, Tuan Abdul Halim bin Ramli made an official visit to North Butterworth Container Terminal (NBCT) on June 16, 2020. He was welcomed by the General Manager of PPC, Puan Monaliza binti Suhaimi, Chief Executive Officer of PPSB, Mr. Sasedharan Vasudevan and senior officers of PPC and PPSB.

MINISTER OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY VISITED PENANG PORT

The Minister of Agriculture and Food Industry, Datuk Seri Ronald Kiandee paid a working visit to Butterworth Wharves, Penang Port on June 19, 2020. The working visit was to oversee and monitor the development status of the country's fisheries industry. The visit was a part of his programme to assess the tuna industry in Penang.

He was accompanied by the Deputy Minister of Agriculture and Food Industry, Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman, Under-Secretary of the Ministry Department, Encik Abdul Majid bin Mat, Director General of the Fisheries Department of Malaysia, Dato' Haji Munir bin Mohd Naw, Director General of the Malaysian Fisheries Development Authority, YM Raja Khalid bin Raja Ariffin and Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor, Director General of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute.

The delegation was welcomed by the Chairman of PPC Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, General Manager of PPC Puan Monaliza binti Suhaimi and senior PPC officers. Also present during the visit was the Chief Operating Officer of PPSB, Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PERJUMPAAN BERSAMA Pengerusi SPPP

SPPP telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Perjumpaan Bersama Pengerusi SPPP pada 16 Julai 2020 bertempat di pejabat SPPP di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT).

Anugerah APC tersebut adalah untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 di mana empat orang pegawai dan kakitangan SPPP telah terpilih untuk menerima anugerah tersebut. Mereka adalah Puan Norlida Saad binti Md Saad, Pengurus Kanan Operasi dan Kawalselia, Puan Norwahida Azwani binti Mat Yusop, Jurutera, Encik Mohammad Firdaus bin Baharom, Pembantu Tadbir dan Encik Mohd Shahnee bin Mohd Zaini, Pembantu Operasi. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng.

TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN LAWAT SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah mengadakan lawatan kerja ke SPPP pada 25 Julai 2020. Beliau telah disambut oleh Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng serta Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi dan Ahli-ahli Lembaga SPPP.

Delegasi dari Kementerian Pengangkutan termasuk Setiausaha Bahagian Pembangunan iaitu Encik Aedy Fadly bin Ramli dan Setiausaha Bahagian Udara iaitu Encik Mohamad Radzuan Mazlan serta para pegawai kanan Kementerian.

PPSB diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Penang Port iaitu Encik Sasedharan Vasudevan dan Ketua Pegawai Operasi Penang Port Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

KETUA SETIAUSAHA PENGANGKUTAN LAWAT SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Ketua Setiausaha Pengangkutan Malaysia, Y. Bhg. Datuk Isham bin Ishak telah mengadakan lawatan kerja ke Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) pada 6 Ogos 2020. Beliau telah disambut oleh Pengurus Besar SPPP iaitu Puan Monaliza binti Suhaimi serta pegawai-pegawai kanan SPPP.

EXCELLENCE SERVICE PRESENTATION AWARD CEREMONY AND GATHERING WITH PPC CHAIRMAN

PPC held an Excellence Service Award Ceremony (APC) and a gathering with the Chairman of PPC on July 16, 2020 at the PPC office at Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT).

The APC is for 2019 where four PPC officers and staff have been selected to receive the award. They were Puan Norlida Saad binti Md Saad, Senior Operations and Regulatory Manager, Puan Norwahida Azwani binti Mat Yusop, Engineer, Encik Mohammad Firdaus bin Baharom, Administrative Assistant and Encik Mohd Shahnee bin Mohd Zaini, Operations Assistant. The certificates were presented by the Chairman of PPC, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng.

DEPUTY MINISTER OF TRANSPORT MALAYSIA VISITED PENANG PORT COMMISSION

Malaysian Deputy Minister of Transport, YB Haji Hasbi bin Haji Habibollah paid a working visit to PPC on July 25, 2020. He was welcomed by PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng and PPC General Manager Puan Monaliza binti Suhaimi as well as PPC Board Members.

The delegation from the Ministry of Transport included the Under Secretary of the Development Division, Encik Aedy Fadly bin Ramli and the Under Secretary of the Air Division, Encik Mohamad Radzuan Mazlan as well as senior officials of the Ministry.

PPSB was represented by the Chief Executive Officer, Encik Sasedharan Vasudevan and the Chief Operating Officer, Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

SECRETARY-GENERAL OF THE MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA VISITED PENANG PORT COMMISSION

The Secretary-General of the Ministry of Transport Malaysia, Y. Bhg. Datuk Isham bin Ishak paid a working visit to the PPC on August 6, 2020. He was welcomed by the General Manager of PPC, Puan Monaliza binti Suhaimi and senior PPC officials.

KUNJUNGAN HORMAT PENGURUS BESAR SPPP KE ATAS KETUA PENGARAH LAUT

Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Laut iaitu Dato' Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid.

Kunjungan hormat tersebut diadakan pada 7 Ogos 2020 di ibu pejabat Jabatan Laut Malaysia.

LAWATAN KERJA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA CAWANG BOMBA PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

Tentera Udara Diraja Malaysia Cawang Bomba Pangkalan Udara Butterworth telah mengadakan lawatan kerja ke SPPP pada 13 Ogos 2020. Lawatan tersebut telah diketuai oleh Ketua Cawang Bomba Pangkalan Udara Butterworth, Mejar TUDM Mohamad Hafiz bin Abdullah dan disertai oleh 20 orang pegawai dan anggota bomba TUDM.

Rombongan beliau telah disambut oleh Pengurus Kanan Operasi dan Kawal Selia SPPP iaitu Puan Norlida Saad binti Md Saad dan Pengurus Keselamatan dan Kebombaan SPPP iaitu Tuan Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir. Turut sama menyambut rombongan tersebut ialah Ketua Seksyen Bomba dan Penyelamat PPSB iaitu Tuan Mohd Azwadi bin Abdul Rahman.

LAWATAN KERJA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) DARI JABATAN PENCEGAHAN JENAYAH DAN KESELAMATAN KOMUNITI IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN JALAN PENANG

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJ) Kontinjen Pulau Pinang telah melawat Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada 18 Ogos 2020 bagi tujuan pemeriksaan terhadap agensi-agensi Polis Bantuan di pelabuhan.

Pegawai JPJ yang hadir ialah ASP Muhammad Ikhwan Bin Abdul Hamid dan ASP Donny Anak John Jubang serta beberapa orang kakitangan. Mereka telah disambut oleh ASP/PB Tuan Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir iaitu Pengurus Keselamatan & Kebombaan SPPP.

LAWATAN BENCHMARKING 5S MAJLIS DAERAH KUALA KANGSAR

Seramai 25 orang pegawai dan kakitangan dari Majlis Daerah Kuala Kangsar telah mengadakan lawatan benchmarking EKSA ke SPPP.

Pengerusi Jawatankuasa 5S SPPP iaitu Puan Lim Ben Ching telah memberikan taklimat mengenai pelaksanaan 5S di SPPP. Rombongan tersebut juga telah dibawa melawat ke sekitar pejabat SPPP di SPCT untuk meninjau pelaksanaan 5S di SPPP.

COURTESY VISIT BY PPC GENERAL MANAGER TO THE DIRECTOR GENERAL OF THE MARINE DEPARTMENT

The General Manager of PPC, Puan Monaliza binti Suhaimi paid a courtesy call on the Director General of Marine, Dato' Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid.

The courtesy call was held on August 7, 2020 at the headquarters of the Malaysian Marine Department.

WORKING VISIT BY ROYAL MALAYSIAN AIR FORCE BUTTERWORTH AIR BASE FIREFIGHTER BRANCH

The Royal Malaysian Air Force Butterworth Air Base Firefighter Branch paid a working visit to the PPC on August 13, 2020. The visit was led by the Butterworth Air Base Firefighter Branch Chief, RMAF Major Mohamad Hafiz bin Abdullah and was accompanied by 20 officers and members of the RMAF firefighters.

His delegation was welcomed by the Senior Operations and Regulatory Manager of PPC, Puan Norlida Saad binti Md Saad and the Security and Safety Manager of PPC, Encik Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir. Also welcomed the delegation was the Head of Fire and Rescue Section of PPSB, Encik Mohd Azwadi bin Abdul Rahman.

WORKING VISIT FROM THE DEPARTMENT OF CRIME PREVENTION AND COMMUNITY SAFETY, JALAN PENANG POLICE HEADQUARTERS, ROYAL MALAYSIAN POLICE (PDRM)

The Royal Malaysian Police (PDRM) from the Penang Contingent for Crime Prevention and Community Safety Department (JPJ) visited Penang Port Commission on August 18, 2020 for the purpose of inspecting the Auxiliary Police agencies at the port.

JPJ officers present were ASP Muhammad Ikhwan Bin Abdul Hamid and ASP Donny Anak John Jubang as well as several staff. They were greeted by ASP/AP Tuan Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir, PPC Security & Safety Manager.

5S BENCHMARKING VISIT BY KUALA KANGSAR DISTRICT COUNCIL

A total of 25 officers and staff from Kuala Kangsar District Council conducted an EKSA benchmarking visit to PPC.

A briefing session to the delegates was led by the Chairman of PPC 5S Committee, Mrs. Lim Ben Ching. To demonstrate the implementation of 5S in PPC, the delegates were given a tour around the PPC office.

LAWATAN KERJA KETUA POLIS NEGERI PULAU PINANG KE PELABUHAN PULAU PINANG

Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, YDH Komisioner Polis Sahabudin Abdul Manan telah mengadakan lawatan kerja ke Pelabuhan Pulau Pinang pada 7 Oktober 2020.

Lawatan tersebut berlangsung di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU). Rombongan beliau telah disambut oleh Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi. Turut menyambut kehadiran beliau ialah Pengerusi PPSB, Y. Bhg. Dato' Syed Mohamad bin Syed Murtaza dan Ketua Pegawai Operasi PPSB Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

SPPP SUMBANG PERALATAN BERKAITAN COVID 19 KEPADA PENJARA REMAN PULAU PINANG

SPPP telah memberikan sumbangan berbentuk peralatan berkaitan COVID 19 kepada Penjara Reman Pulau Pinang pada 29 Oktober 2020. Ia adalah susulan pengumuman Kerajaan yang melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di penjara tersebut hingga 11 November 2020.

Antara peralatan yang disumbang oleh SPPP ialah pelitup muka 'medical grade' sebanyak 100 kotak, sarung tangan latex 100 kotak, perisai muka 300 unit, hand sanitizer gel dengan tahap alkohol 75% sebanyak 100 botol dan suit pakaian perubatan PPE sebanyak 300 pasang. Sumbangan tersebut telah diterima oleh Encik Syafiq iaitu Pegawai Penjara Reman Pulau Pinang.

MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DAN PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH SPPP

SPPP telah mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dan Pelancaran Pelan Antirasuah SPPP pada 14 Disember 2020. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi, Ahli-ahli Lembaga SPPP dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Puan Lim Bee Kean. Turut hadir di majlis tersebut ialah para pegawai kanan SPPP.

Di dalam majlis tersebut, sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) telah diketuai oleh Pengerusi SPPP bersama semua Ahli Lembaga SPPP di hadapan Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang sebagai bukti komitmen SPPP dalam membanteras gejala rasuah. Sesi pelancaran Pelan Antirasuah SPPP 2020 - 2024 juga diadakan selaras dengan objektif SPPP untuk memastikan sifar salah laku berkaitan rasuah di kalangan warga SPPP.

PENANG STATE CHIEF POLICE HAD A WORKING VISIT TO PENANG PORT

Penang State Police Chief, YDH Police Commissioner Sahabudin Abdul Manan paid a working visit to Penang Port on October 7, 2020.

The visit took place at North Butterworth Container Terminal (NBCT). His entourage was greeted by the General Manager of PPC, Puan Monaliza binti Suhaimi. The welcoming party also included the Chairman of PPSB, Y. Bhg. Dato' Syed Mohamad bin Syed Murtaza and PPSB Chief Operating Officer, Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

PPC DONATED COVID 19 EQUIPMENT TO PENANG REMAND PRISON

PPC presented a donation in the form of COVID 19 equipment to the Penang Remand Prison on October 29, 2020. This was done following the Government's announcement to extend the Movement Control Order (CMCO) in the prison facility until November 11, 2020.

Among the equipment donated by PPC are 100 boxes of 'medical grade' face masks, 100 boxes of latex gloves, 300 units of face shields, 100 bottles of hand sanitizer gel with 75% alcohol level and 300 pairs of PPE. The donation was received by Mr. Syafiq, the Penang Remand Prison Officer.

ANTI-CORRUPTION PLEDGE (IBR) SIGNING CEREMONY AND LAUNCHING OF PPC ANTI-CORRUPTION PLAN

PPC held an Anti-Corruption Pledge (IBR) Signing Ceremony and Launch of PPC Anti-Corruption Plan on December 14, 2020. The ceremony was attended by PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, PPC General Manager, Puan Monaliza binti Suhaimi, PPC Board Members and Director of Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Penang, Mrs. Lim Bee Kean. Also present at the event were senior PPC officers.

During the ceremony, the signing session of the Anti-Corruption Pledge (IBR) was led by the Chairman of PPC together with PPC Board Members in front of the Director of the Penang State MACC as proof of PPC's commitment in combating corruption. The launching session of the PPC Anti-Corruption Plan 2020 - 2024 was also held in line with the objective of PPC to ensure zero corruption-related misconduct among PPC staff.

SIDANG AKHBAR PENGAMBILALIHAN OPERASI PERKHIDMATAN FERI MULAI 1 JANUARI 2021

Satu sidang akhbar telah dianjurkan bagi mengumumkan pengambilalihan operasi perkhidmatan feri oleh PPSB dimana operasi sebelum ini dikendalikan oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. telah diadakan pada 15 Disember 2020. Sidang akhbar tersebut diketuai oleh Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng dan Pengurus Besar SPPP Puan Monaliza binti Suhaimi. Manakala PPSB diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Encik Sasedharan Vasudevan dan Ketua Pegawai Operasi, Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

Pada sidang akhbar tersebut, media telah dimaklumkan bahawa mulai 1 Januari 2021, perkhidmatan feri bagi penumpang, motosikal dan basikal akan diambil alih oleh PPSB. Perkhidmatan feri bagi penumpang adalah menggunakan feri laju yang akan beroperasi di antara Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) dengan Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) di Butterworth. Manakala perkhidmatan feri untuk motosikal dan basikal akan menggunakan sebuah feri sedia ada. Perkhidmatan feri untuk kenderaan empat tayar tidak lagi akan disediakan.

Penggunaan feri laju serta feri sedia ada adalah merupakan langkah interim sebelum feri baru iaitu water bus serta vehicle transporter diperkenalkan pada tahun 2022 atau lebih awal lagi. Semasa tempoh interim, kedua-dua terminal Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim akan diubahsuai dan dinaiktaraf bagi mengendalikan feri-feri baru demi menyediakan perkhidmatan feri yang lebih cekap dan terminal yang lebih selesa kepada pengguna feri.

Bagi mengekalkan nilai-nilai sejarah serta elemen ikonik negeri Pulau Pinang, SPPP akan menempatkan dua (2) buah feri sedia ada di Tanjung City Marina. Feri-feri ini akan diubahsuai sebagai restoran terapung serta muzium terapung.

SESI WALKABOUT BERSAMA MEDIA UNTUK FERI BOT LAJU

Satu sesi walkabout telah diadakan bersama pihak media berkaitan perkhidmatan feri bot laju pada 28 Disember 2020. Sesi ini dihadiri oleh Pengerusi SPPP Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi, pegawai-pegawai kanan SPPP dan PPSB.

Di dalam sesi walkabout ini para petugas media telah dibawa meninjau kemudahan feri di SPCT selain dibawa menaiki feri bot laju tersebut dari SPCT ke Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth bagi meninjau kemudahan yang disediakan di sana. Sesi ini diadakan adalah bagi memberikan pengalaman serta gambaran sebenar pengalaman yang akan dirasakan oleh para penumpang yang bakal menggunakan perkhidmatan feri baru ini mulai 1 Januari 2021.

PRESS CONFERENCE ON THE TAKE OVER OF FERRY SERVICE OPERATIONS FROM JANUARY 1, 2021

A press conference was organised to announce the takeover of ferry service operation in which the operation beforehand was handled by Rapid Ferry Sdn. Bhd. The press conference was held on December 15, 2020 led by PPC Chairman, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng and PPC General Manager, Puan Monaliza binti Suhaimi. PPSB was represented by the Chief Executive Officer, Encik Sasedharan Vasudevan and the Chief Operating Officer, Tuan Haji Radhi bin Mohamad.

During the press conference, the media was informed that from 1 January 2021, ferry services for passengers, motorcycles and bicycles will be taken over by PPSB. Passengers will use the fast ferries that will operate between Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) and Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) whilst motorcycles and bicycles will use the existing ferry. Ferry services for four-wheeled vehicles will no longer be available.

The fast ferries and the existing ferries acts as interim measure to cater the service before the new ferries, namely the water bus and vehicle transporter are introduced in 2022 or prior. During the interim period, both Pangkalan Raja Tun Uda and Pangkalan Sultan Abdul Halim terminals will be renovated and upgraded to facilitate the operation of the new ferries and to provide more efficient ferry services as well as more comfortable terminals for ferry users.

In order to maintain the historical values and iconic elements of Penang, two (2) existing ferries will be stationed at Tanjung City Marina. These ferries will be converted into floating restaurant as well as floating museum.

MEDIA WALKABOUT SESSION FOR FAST FERRY SERVICE

A walkabout session with the media was organised on December 28, 2020 regarding the fast ferry service. This session was attended by PPC Chairman Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng, PPC General Manager, Puan Monaliza binti Suhaimi, senior PPC and PPSB officers.

In this walkabout session, the media took a ride by fast ferries from SPCT to Pangkalan Sultan Abdul Halim to view facilities provided there. It was their personal experience using the new ferry service which started on January 1, 2021.

KETUA MENTERI PULAU PINANG YAB CHOW KON YEOW MENGADAKAN LAWATAN KE TERMINAL FERI

YAB Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Chow Kon Yeow telah mengadakan lawatan dan tinjauan ke terminal feri Pulau Pinang yang pada pandangan beliau lebih selesa dan laju semasa dibawa menaiki feri tersebut pada 30 Disember 2020. Pandangan beliau telah dikongsi oleh Pengerusi SPPP, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng yang turut mengiringi beliau semasa sesi lawatan ke terminal feri tersebut serta menaiki feri yang hanya mengambil masa kira-kira 10 minit.

SUMBER MANUSIA

Dari sudut sumber manusia, program-program bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan kreativiti para pegawai dan kakitangan SPPP masih diadakan sepanjang tahun 2020. Namun ia dilaksanakan dalam suasana terkawal dan mematuhi standard operating procedure (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Antaranya termasuklah kursus-kursus dalam talian seperti webinar dan sebagainya.

Para pegawai dan kakitangan SPPP sentiasa memberi komitmen yang tinggi bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian pelabuhan. Itizam yang ditunjukkan ini adalah selaras dengan dasar transformasi negara. Segala kemajuan yang dicapai oleh Pelabuhan Pulau Pinang selama ini adalah merupakan hasil kerjasama erat semua pihak baik sektor awam mahupun swasta dalam memastikan Pelabuhan Pulau Pinang terus cemerlang.

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Ahli-ahli Lembaga SPPP, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan PPSB serta Rapid Ferry selaku pengendali pelabuhan yang telah memberi sumbangan dalam membangunkan Pelabuhan Pulau Pinang dan perkhidmatan feri.

PENANG CHIEF MINISTER YAB CHOW KON YEOW VISITED THE FERRY TERMINAL

YAB Chief Minister of Penang, Tuan Chow Kon Yeow paid a visit to the ferry terminal to oversee the operation of the fast ferries. He was taken on board to experience the fast ferry operation on December 30, 2020. He did mention that the new ferry is more comfortable and faster. His views were shared by the Chairman of the PPC, Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng who also accompanied him during the visit and the ferry ride which only took about 10 minutes.

HUMAN RESOURCE

In terms of human resources programmes to increase productivity, innovation and creativity of PPC officers and staff were still held throughout the year 2020. However, these were implemented in a controlled environment and in compliance with the standard operating procedures (SOPs) set by the Government to curb the spread of the COVID-19 pandemic. These include online courses such as webinars and et cetera.

The commitment showed by PPC officers and staff in improving the port delivery system is tremendous. The commitment shown is in line with the country's transformation policy. The cooperation of all parties, both in the public and private sectors can be clearly seen and proven by the progress achieved and excellence services provided at Penang Port.


APPRECIATION

I would like to take this opportunity to express my deepest appreciation and gratitude to all parties involved, especially the Members of the PPC Board, the Federal Government, State Government and PPSB as well as Rapid Ferry as port operators who have contributed in the development of Penang Port and the ferry services.


PELABURAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG DI DALAM IPOH CARGO TERMINAL (ICT) *PENANG PORT COMMISSION INVESTMENT IN IPOH CARGO TERMINAL (ICT)*

- Ipoh Cargo Terminal (ICT) ialah sebuah pelabuhan darat (inland port) yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara.
- ICT menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelanggan dan pengguna di kawasan perindustrian Perak. Antara kemudahan yang disediakan ialah pengendalian kargo, membaiki dan menyelenggara kontena serta perkhidmatan timbang muatan.
- Pada tahun 2020, ICT mengendalikan kontena sebanyak 21,424 TEU, turun 20.73 peratus berbanding 27,027 TEU yang dikendalikan pada tahun 2019.
- Pemegang-pemegang saham ICT adalah terdiri daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (30 peratus), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (25 peratus) dan Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang serta Lembaga Pelabuhan Johor masing-masing memegang sebanyak 15 peratus saham.
- *Ipoh Cargo Terminal (ICT) is the first inland port in Malaysia and South East Asia.*
- *ICT provides various facilities to its customers and users in the Perak industrial area. Among the facilities provided are cargo handling, repair and maintenance of containers as well as weighing services.*
- *In 2020, ICT handled 21,424 TEUs of containers, a decrease of 20.73 percent compared to 27,027 TEUs handled in the year 2019.*
- *The shareholders of ICT are Keretapi Tanah Melayu Berhad (30 percent), Perak State Development Corporation (25 percent) while Port Klang Authority, Penang Port Commission and Johor Port Authority each hold a 15 percent share.*


Prestasi Pelabuhan Pulau Pinang 2018 - 2020
 Jumlah Kendalian Kontena
*Penang Port Performance 2018 - 2020
 Total Container Handling*




Kendalian Keseluruhan Kargo 2018 - 2020 Import
Total Cargo Throughput 2018 - 2020 Import




Kendalian Keseluruhan Kargo 2018 - 2020
Eksport
Total Cargo Throughput 2018 - 2020
Export




Kendalian Keseluruhan Kargo 2018 - 2020
Transshipment
Total Cargo Throughput 2018 - 2020
Transshipment




Jenis Kendalian Kargo 2018 - 2020
Type Of Cargo Handled 2018 - 2020




Statistik Perkhidmatan Feri 2018 - 2020
Ferry Service Statistic 2018 - 2020




Jumlah Ketibaan Penumpang Di Swettenham Pier Cruise Terminal 2018 - 2020
Total Passengers Arrivals At Swettenham Pier Cruise Terminal 2018 - 2020



Jumlah Singgahan Kapal Kruis Dan Feri Penumpang Di Swettenham Pier Cruise Terminal 2018 - 2020
Total Cruise Ships And Passenger Ferry Arrivals At Swettenham Pier Cruise Terminal 2018 - 2020



Jumlah Singgahan Kapal Di Pelabuhan Pulau Pinang 2018 - 2020
Ship Calls At Penang Port 2018 - 2020





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 7 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan Dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(MAZMIZA BINTI MIHAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
21 OKTOBER 2021



PENYATA Pengerusi dan Lembaga Pengarah STATEMENT BY CHAIRMAN AND THE BOARD OF DIRECTORS

Kami, DATUK TAN TEIK CHENG dan PUAN MONALIZA BINTI SUHAIMI yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

We, DATUK TAN TEIK CHENG and MONALIZA BINTI SUHAIMI as Chairman and one of the Board of Directors of PENANG PORT COMMISSION respectively do hereby state that, in the opinion of the Board of Directors, the Financial Statement consisting of the accompanying Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Change of Net Asset/Equity, Cash Flow Statement, and Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts together with notes thereon are drawn up so as to give a true and fair view of the state of affairs of the PENANG PORT COMMISSION financial position as at 31 December 2020 and of the results of its operations and changes in its financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga
On behalf of the Board



Nama / : DATUK TAN TEIK CHENG
Name

Gelaran / : Pengerusi / CHAIRMAN
Designation

Tarikh / : 28 APRIL 2021
Date

Tempat / : PULAU PINANG / PENANG
Place

Bagi pihak Lembaga
On behalf of the Board



Nama / : MONALIZA BINTI SUHAIMI
Name

Gelaran / : AHLI LEMBAGA / BOARD MEMBER
Designation

Tarikh / : 28 APRIL 2021
Date

Tempat / : PULAU PINANG / PENANG
Place

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**
*DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY RESPONSIBLE FOR THE
FINANCIAL MANAGEMENT OF PENANG PORT COMMISSION*

Saya, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

I, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, the principal officer responsible for the financial management and accounts records of PENANG PORT COMMISSION, do solemnly and sincerely declare that the accompanying Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Change of Net Asset/Equity, Cash Flow Statement, and Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts together with notes therein, are, to the best of my knowledge and belief, accurate and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declaration Act 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya /
Subscribed and solemnly

diakui oleh penama di atas /
declared by the above named

di Pulau Pinang /
at Penang

pada hari bulan /
on this

28 APR 2021

)
)

)
)

)
)

)
)

(MOHAMAD SAFRI BIN HALIM)

Di hadapan saya



**NO. 97, LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG**

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020
PENANG PORT COMMISSION
STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 DECEMBER 2020

	NOTA / NOTES	2020 RM	2019 RM
(dinyatakan semula / as restated)			
ASET / ASSETS			
<u>Aset Semasa / Current Assets</u>			
Baki Bank dan Wang Tunai / Cash and Bank Balances		5,831,008	2,837,844
Pelaburan Jangka Pendek / Short Term Investment	4	6,038,313	5,884,508
Simpanan Tetap dalam Institusi Kewangan Berlesen / Fixed Deposit in Licensed Financial Institutions	5	61,100,000	54,100,000
Penghutang / Receivables	6	8,114,203	3,632,640
Pinjaman Kakitangan Jangka Pendek / Short Term Staff Loan	7	79,321	71,576
Deposit, Pendahuluan dan Prabayar / Deposit, Advance and Prepayment	8	316,738	8,032,527
Cukai Boleh Dituntut Semula / Tax Recoverable	9	-	2,244,903
Jumlah Aset Semasa / Total Current Assets		81,479,583	76,803,998
<u>Aset Bukan Semasa / Non Current Assets</u>			
Pinjaman Kakitangan Jangka Panjang / Long Term Staff Loan	7	352,073	358,176
Pelaburan Jangka Panjang / Long Term Investment	10	75,000	75,000
Hartanah Pelaburan / Investment Property	11	447,389	463,652
Hartanah, Loji dan Peralatan / Property, Plant and Equipment	12	296,200,413	296,924,175
Aset Tak Ketara / Intangible Assets	13	275,190	299,421
Jumlah Aset Bukan Semasa / Total Non Current Assets		297,350,065	298,120,424
JUMLAH ASET / TOTAL ASSETS		378,829,648	374,924,422
LIABILITI / LIABILITY			
<u>Liabiliti Semasa / Current Liability</u>			
Pelbagai Pemiutang / Others Payables	14	2,036,068	1,497,480
Cukai Yang Kena Dibayar / Tax Payable	9	37,764	-
Jumlah Liabiliti Semasa / Total Current Liability		2,073,832	1,497,480
<u>Liabiliti Bukan Semasa / Non Current Liability</u>			
Manfaat Pekerja / Employee Benefits	15	841,993	798,228
Geran Tertunda / Deferred Grants	16	182,106,787	184,963,329
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa / Total Non Current Liability		182,948,780	185,761,557
JUMLAH LIABILITI / TOTAL LIABILITIES		185,022,612	187,259,037
ASET BERSIH / NET ASSETS		193,807,036	187,665,385
<u>ASET BERSIH/EKUITI / NET ASSETS/EQUITY</u>			
Lebihan Terkumpul / Accumulated Surpluses		193,807,036	187,665,385
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI / TOTAL NET ASSETS/EQUITY		193,807,036	187,665,385

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
The above Statement of Financial Position is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020
 PENANG PORT COMMISSION
**STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR
 ENDED 31 DECEMBER 2020**

	NOTA / NOTES	2020 RM	2019 RM
(dinyatakan semula / as restated)			
HASIL PENGURUSAN / MANAGEMENT REVENUE			
Sewa Pajakan / <i>Lease Rental</i>		15,681,139	12,672,945
Pendapatan Pelunasan Geran Kerajaan / <i>Amortisation of Government Grant</i>	16	2,856,542	2,201,426
Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) / <i>PPC (Teluk Ewa) Management Income</i>	17	2,500,000	2,500,000
Pelbagai Pendapatan / <i>Other Incomes</i>	18	6,549,460	8,293,632
Pendapatan Lesen / <i>License Fee</i>		133,470	150,000
		27,720,611	25,818,003
LAIN-LAIN HASIL / OTHER INCOMES			
Pendapatan Faedah / <i>Interest Income</i>		1,963,860	2,407,708
Dividen / <i>Dividend</i>		162,684	428,877
Lain-Lain Pendapatan / <i>Miscellaneous Incomes</i>		30,638	71,837
Keuntungan dari Jualan Aset / <i>Gain from Sale of Assets</i>		1,317	5,529
		2,158,499	2,913,951
JUMLAH HASIL / TOTAL REVENUE		29,879,110	28,731,954
BELANJA MENGURUS / OPERATING EXPENSES			
Emolumen / <i>Emolument</i>	19	6,568,550	5,862,754
Perkhidmatan dan Bekalan / <i>Services and Supplies</i>	20	7,220,847	7,776,287
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / <i>Grants and Fixed Charges</i>		39,500	25,600
Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain / <i>Training and Other Development Expenditure</i>		165,980	305,290
Perbelanjaan Mengurus Lain / <i>Other Management Expenses</i>		480,516	616,465
Susut Nilai Aset Bukan Semasa / <i>Depreciation of Non-Current Assets</i>	21	8,388,445	6,610,460
Perbelanjaan Lain / <i>Other Expenses</i>	22	396,265	1,194,274
JUMLAH BELANJA / TOTAL EXPENSES		23,260,103	22,391,130
LEBIHAN SEBELUM CUKAI / SURPLUS BEFORE TAXATION		6,619,007	6,340,824
Cukai / <i>Taxation</i>	23	(477,356)	(595,848)
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN / NET SURPLUS FOR THE YEAR		6,141,651	5,744,976

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
 The above Statement of Financial Performance is to be read with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2020

PENANG PORT COMMISSION
STATEMENT OF CHANGE OF NET ASSET/EQUITY FOR THE YEAR ENDED
31 DECEMBER 2020

LEBIHAN
TERKUMPUL /
ACCUMULATED
SURPLUSES

RM

Baki pada 1 Januari 2019 / <i>Balance as at 1 January 2019</i>	
Seperti dinyatakan sebelumnya / <i>As previously reported</i>	179,983,622
Pelarasan tahun lalu (Nota 29) / <i>Prior year adjustment (Note 29)</i>	1,936,787
Seperti dinyatakan semula / <i>As restated</i>	181,920,409
Lebih Bersih / <i>Net Surplus</i>	
Seperti dinyatakan sebelumnya / <i>As previously reported</i>	6,087,136
Pelarasan tahun lalu (Nota 29) / <i>Prior year adjustment (Note 29)</i>	(342,160)
Seperti dinyatakan semula / <i>As restated</i>	5,744,976
Baki pada 31 Disember 2019 / <i>Balance as at 31 December 2019</i>	187,665,385
Lebih Bersih / <i>Net Surplus</i>	6,141,651
Baki pada 31 Disember 2020 / <i>Balance as at 31 December 2020</i>	193,807,036

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
The above Statement of Change of Net Asset/Equity is to be read with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020
 PENANG PORT COMMISSION
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI / CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES		
Terimaan / Receipts		
Sewa pajakan / Lease Rental	12,081,139	12,672,945
Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) / PPC (Teluk Ewa) Management Income	2,500,000	2,500,000
Pendapatan Lesen / License Fee	133,470	150,000
Pelbagai Pendapatan / Other Incomes	5,752,105	(2,262,621)
Terimaan Lain / Other Receipts	2,257,415	71,837
Bayaran / Payment		
Bayaran Emolumen / Emolument	(6,524,785)	(5,849,333)
Bayaran Pekhidmatan dan Bekalan / Payment of Services and Supplies	(6,682,259)	(8,064,791)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / Grants and Fixed Charges	(39,500)	(25,600)
Bayaran Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain / Training and Other Development Expenditure	(165,980)	(305,290)
Bayaran Kepada Lain-lain Pembekal / Payment to Other Suppliers	(480,516)	(616,465)
Bayaran Lain / Other Payments	(425,120)	(627,670)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam) / dijana dari aktiviti operasi / Net cash flow (used in) / generated from operation activities	8,405,969	(2,356,988)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN / CASH FLOW FROM INVESTMENT ACTIVITIES		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan / Purchase of property, plant and equipment	(472,808)	(22,603,687)
Pembelian aset tak ketara / Purchase of Intangible assets	(181,373)	-
Terimaan dari jualan hartanah, loji dan peralatan / Proceeds from sale of property, plant and equipment	1,317	6,653
Tambahan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen / Additional fixed deposit in licensed financial institutions	(28,800,000)	(37,800,000)
Pengeluaran simpanan tetap di institusi kewangan berlesen / Withdrawal of fixed deposit in licensed financial institutions	(28,800,000)	(37,800,000)
Pinjaman diberi / Loan Disbursement	(79,000)	(196,400)
Bayaran diterima atas pinjaman diberi / Repayment on Loan Disbursement	77,358	57,692
Dividen diterima / Dividend Received	153,805	347,219
Faedah diterima / Interest Received	2,241,701	2,816,151
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan / Net Cash Flow from investment activities	(4,559,000)	(12,872,372)
Peningkatan / (Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai / Net Increase (decrease) in in cash and cash equivalents	3,846,969	(15,229,360)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari / Cash and cash equivalents as at 1 January	15,522,352	30,751,712
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember / Cash and cash equivalents as at 31 December	19,369,321	15,522,352
Pelaburan Jangka Pendek / Short Term Investment	6,038,313	5,884,508
Simpanan Tetap Dalam Institusi Kewangan Berlesen (matang dalam tempoh 3 bulan) -Nota 5 / Fixed Deposit in Licensed Financial Institutions (3-month maturity period) - Note 5	7,500,000	6,800,000
Baki Bank dan Wang Tunai / Cash and Bank Balances	5,831,008	2,837,844
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember / Cash and cash equivalents as at 31 December	19,369,321	15,522,352

Penyata Aliran Tunai di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
 The above Cash Flow Statement is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

PENANG PORT COMMISSION
STATEMENT OF BUDGET COMPARISON AND ACTUAL AMOUNTS
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2020

	BUDGET ASAL / ORIGINAL BUDGET	BAJET SEMAKAN SEMULA / REVISED BUDGET	AMAUN SEBENAR / ACTUAL AMOUNTS	PERBEZAAN / DIFFERENCE
	RM	RM	RM	RM
HASIL PENGURUSAN / MANAGEMENT REVENUE				
Sewa Pajakan / <i>Lease Rental</i>	12,724,665	15,468,665	15,681,139	212,474
Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) / <i>PPC (Teluk Ewa) Management Income</i>	2,500,000	2,500,000	2,500,000	-
Pelbagai Pendapatan / <i>Other Incomes</i>	8,674,675	6,789,560	6,549,460	(240,100))
Pendapatan Lesen / <i>License Fee</i>	200,000	200,000	133,470	(66,530)
	<u>24,099,340</u>	<u>24,958,225</u>	<u>24,864,069</u>	<u>(94,156)</u>
LAIN-LAIN HASIL / OTHER REVENUE				
Pendapatan Faedah / <i>Interest Income</i>	3,093,500	2,271,500	1,963,860	(307,640)
Dividen / <i>Dividend</i>	-	-	162,684	162,684
Lain-Lain Pendapatan / <i>Miscellaneous Income</i>	-	-	31,955	31,955
	<u>3,093,500</u>	<u>2,271,500</u>	<u>2,158,499</u>	<u>(113,001)</u>
JUMLAH HASIL / TOTAL REVENUE	<u>27,192,840</u>	<u>27,229,725</u>	<u>27,022,568</u>	<u>(207,157)</u>
BELANJA PENGURUSAN / OPERATING EXPENSES				
Emolumen / <i>Emolument</i>	6,594,750	6,594,750	6,568,550	(26,200)
Perkhidmatan dan Bekalan / <i>Services and Supplies</i>	11,589,700	8,201,700	7,220,847	(980,853)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / <i>Grants and Fixed Charges</i>	30,000	30,000	39,500	9,500
Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain / <i>Training and Other Development Expenditure</i>	450,000	450,000	165,980	(284,020)
Perbelanjaan Lain / <i>Other Expenses</i>	517,060	517,060	480,516	(36,544)
JUMLAH BELANJA / TOTAL EXPENSES	<u>19,181,510</u>	<u>15,793,510</u>	<u>14,475,393</u>	<u>(1,318,117)</u>
LEBIHAN SEBELUM CUKAI / SURPLUS BEFORE TAXATION	8,011,330	11,436,215	12,547,175	1,110,960
Cukai / <i>Taxation</i>	(692,040)	(494,760)	(477,356)	17,404
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN / NET SURPLUS FOR THE YEAR	<u>7,319,290</u>	<u>10,941,455</u>	<u>12,069,819</u>	<u>1,128,364</u>

Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenarnya di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
The above Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts is to be read with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

PENANG PORT COMMISSION
*NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2020*

1. (a) PENUBUHAN

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955.

Mulai 1 Januari 1994, operasi perkhidmatan pelabuhan dan feri di Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn Bhd (PPSB) mengikut Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990. Mulai tarikh tersebut, SPPP bertindak sebagai Badan Kawal Selia di samping kekal sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan.

Berkuatkuasa 1 Januari 1999, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan juga Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa.

(b) AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama SPPP adalah sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan di bawah Penang Port Commission Act, 1955 dan Badan Kawal Selia di bawah Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastan) 1990, yang mana SPPP bertanggungjawab untuk menyedia dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan, perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dan feri, mempertingkatkan kemajuan, pembangunan dan penggunaan pelabuhan dan melaksanakan tanggungjawab kawalseliaan terhadap operator pelabuhan berlesen.

(c) Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan mata wang berfungsi SPPP dan nilai dibundarkan ke RM terdekat.

(d) Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah diluluskan oleh Lembaga Ahli-Ahli SPPP melalui pekelilingan bertarikh 27 April 2021.

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali jika sebaliknya dinyatakan di dalam penyata polisi persendirian.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan menurut arahan yang terkandung dalam Seksyen 37(1) Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955.

1. (a) ESTABLISHMENT

Penang Port Commission (PPC) was established on January 1st, 1956 under the Penang Port Commission Act, 1955.

The operations of the port and ferry services at Penang Port were privatised on the 1st of January 1994, to a licensed operator - Penang Port Sdn. Bhd (PPSB) under the Ports (Privatisation) Act 1990. Since then, PPC acts as Port Authority and remains as the Regulatory Authority.

Effective 1st January 1999, PPC was appointed as the Port and Regulatory Authority for Teluk Ewa Jetty.

(b) MAIN ACTIVITIES

PPC's main activities as Port Authority under the Penang Port Commission Act, 1955 and as the Regulatory Authority under the Ports (Privatisation) Act 1990, whereby it is responsible for providing and maintaining port and ferry facilities and services as well as enhancing the progress, development and usage of the port, in addition to regulating licensed port operators.

(c) *The financial statement is presented in Malaysian Ringgit (RM) which is the functional currency of PPC and the value is rounded to the nearest RM.*

(d) *The Financial Statements for the financial year ended 31 December 2020 have been approved by the Board of Members of PPC through a circular dated 27 April 2021.*

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES

(a) The Basis of Preparation of Financial Statements

The financial statements of the PPC have been prepared in accordance with the historical cost convention unless otherwise stated in the private policy.

The Penang Port Commission Financial Statement is prepared in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards and the orders contained in Section 37 (1) of the Penang Port Commission Act, 1955.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
 BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)**

PENANG PORT COMMISSION
**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
 ENDED 31 DECEMBER 2020 (cont.)**

Semua polisi perakaunan yang penting seperti mana dinyatakan berikut adalah sama dengan apa yang diterima pakai pada tahun sebelumnya

SPPP telah mengguna pakai MPSAS pada 1 Januari 2016 (lebih awal daripada tarikh kuatkuasa pada tahun 2020).

SPPP telah menguna pakai MPSAS yang berkenaan seperti berikut:

All significant accounting policies as stated below are as per policies used in prior years.

PPC adopted the MPSAS on 1st January 2016 (earlier than the scheduled effective date in 2020).

PPC has adopted the relevant MPSAS, as follows

	Tarikh Kuatkuasa / Effective Date
MPSAS 1 - Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 2 - Cash Flow Statements	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 3 - Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 9 - Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 13 - Leases	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 14 - Events After the Reporting Date	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 16 - Investment Property	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 17 - Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 19 - Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 20 - Related Party Disclosures	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 21 - Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 23 - Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 24 - Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 25 - Employee Benefits	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 26 - Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 28 - Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 29 - Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 30 - Financial Instruments: Disclosures	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 33 - First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs	1 Januari 2017 / 1 January 2017
MPSAS 31 - Intangible Assets	1 Januari 2017 / 1 January 2017

(b) Pengiktirafan Hasil

Sewa pajakan, pendapatan pengurusan dan lesen diiktiraf berdasarkan asas akrual di mana ianya adalah selaras dengan butir-butir perjanjian. Pendapatan faedah diiktiraf pada asas pengagihan mengikut tempoh yang mana mengambil kira keuntungan ke atas aset-aset terlibat. Pendapatan dividen dikenal pasti apabila hak untuk menerima telah ditetapkan.

(c) Cukai

Cukai pendapatan dikira ke atas pendapatan selain daripada pendapatan yang dikenakan dan dipungut secara langsung dan berhubungkait dengan fungsi utama SPPP serta diperuntukkan di bawah Penang Port Commission Act, 1955.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

(i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul.

(b) Revenue Recognition

Lease rentals, management income and licenses are recognised according to basic accruals, where they are consistent with the details of the agreement. Interest income is recognised on a distribution basis over the period in which the gain on the assets involved is taken into account. Dividend income is recognised when the share holder's rights to receive payment is established.

(c) Taxation

Income tax is calculated on the income other than income charged and collected directly and in connection with the main functions of the PPC and provided for under the Penang Port Commission Act, 1955.

(d) Property, Plant and Equipment

(i) *Property, Plant and Equipment are stated at cost, upon deduction of the accumulated depreciation.*

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
 BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)**

PENANG PORT COMMISSION
**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
 ENDED 31 DECEMBER 2020 (cont.)**

ii) Bermula tahun 2019, aset yang bernilai RM2,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan secara berkala akan dipermodalkan sebagai Hartanah, loji dan peralatan.

(iii) Susut nilai diperuntukkan bagi semua hartanah, loji dan peralatan. Susut nilai dikenakan mulai dari tarikh aset itu diterima. Susut nilai dikenakan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan nilai aset-aset mengikut anggaran usia utamanya seperti berikut :

Tanah Hak Milik Bebas	Tiada peruntukkan susutnilai
Tanah Pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan Pajakan	Mengikut tempoh pajakan atau 60 tahun yang mana lebih awal
Bangunan Hak Milik Bebas	60 tahun
Loji dan Mesin	10 tahun
Kenderaan / Ubahsuai Pejabat	5 tahun
Kelengkapan Pejabat	3 - 5 tahun

(e) Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusanniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusanniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susut nilai dikenakan mulai dari tarikh aset itu diterima. Susut nilai diperuntukkan bagi semua pelaburan hartanah kecuali tanah hak milik bebas. Susut nilai hartanah pelaburan dikenakan mengikut kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut seperti berikut :

Tanah Pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan, Binaan dan Jalan raya	15 - 60 tahun

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada nilai bersih di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

ii) Starting from 2019, assets valued at RM2,000 and above or require scheduled maintenance are capitalised as property, plant and equipment.

(iii) Depreciation is provided on all property, plant and equipment. Depreciation is imposed from the date of acquisition of the assets. Depreciation is provided based on a straight-line method so as to write off the cost or valuation of the assets over their estimated useful lines, as follows :

Freehold Land	No accumulated depreciation
Leasehold Land	According to the lease term
Leasehold Building	According to the lease term or 60 years, whichever comes first
Freehold Building	60 years
Plant and Machinery	10 years
Vehicle / Office Renovation	5 years
Office Equipment	3 - 5 years

(e) Investment Property

Investment Properties are properties held to generate rentals or capital appreciation or both. It include properties held for strategic purposes or for social services even the rent.

Initial recognition of investment properties acquired through exchange transactions are recognised at cost while revenue through non-exchange transactions is measured at fair value on the acquisition date.

Subsequent to initial recognition, investment properties are stated at cost less accumulated depreciation and accumulated impairment losses.

Depreciation is charged from the date the asset is received. Depreciation is provided for all investment properties except freehold land. Depreciation of investment properties is charged on a straight-line basis over the estimated useful lives of the assets as follows

Lease Land	According to the lease term
Buildings, Construction and Roads	5 - 60 years

Gains or losses on disposal of investment properties are recognised at net worth in the Statement of Financial Performance.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)**

PENANG PORT COMMISSION
**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2020 (cont.)**

(f) Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara merupakan perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dipermodalkan berdasarkan kos yang bertanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian tertentu. Kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran hayat penggunaannya selama tiga tahun.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut bertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh SPPP serta berkemungkinan boleh menjana faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang bertanggung hasil daripada pembangunan perisian dan suatu bahagian yang sesuai bagi overhead yang berkaitan.

Kos pembangunan perisian komputer yang diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaan, yang tidak melebihi 3 tahun.

(g) Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan meliputi bangunan/struktur yang sedang didirikan dan belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam pelaksanaan.

(h) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Nilai aset bukan kewangan yang dibawa disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosotnilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan.

Amaun yang boleh diperolehi semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunnya. Amaun yang boleh diperolehi semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian rosotnilai dicaj terus kepada lebihan atau defisit. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset yang diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini. Kebalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit dengan serta merta.

(f) Intangible Assets

Intangible Assets are computer software and computer software licenses that are capitalized based on the costs incurred to acquire and use the particular software. The costs are amortised over the estimated useful life for three years.

Costs associated with the development or maintenance of computer software programs are recognized when such costs are incurred. Costs that are directly attributable to identifiable and unique software products that are controlled by PPC and that are likely to generate economic benefits in excess of costs for a period of more than one year, are accounted for as intangible assets. Such costs include employee costs incurred as a result of software development and an appropriate portion of related overheads.

Computer software development costs accounted for as assets are amortised using the straight-line method over their estimated useful lives, which do not exceed 3 years

(g) Work in Progress

Work in progress include buildings/structures that are currently being built and not completed. Depreciation is not charged on work in progress.

(h) Impairment of Non-Financial Assets

The carrying amounts of non-financial assets are reviewed at each reporting date to determine whether there is any indication of impairment. If any such indication exists, the assets recoverable amount is estimated.

The recoverable amount is the higher of its fair value less costs to sell and its value in use, measured based on its discounted estimated future cash flow. The recoverable amount is estimated for the individual asset or, if that is not possible, for the cash-generating unit for which the asset is used.

Impairment losses are recognised directly to surplus or deficit. Any subsequent increase in recoverable amount of an asset is recognized as a reversal of a previous impairment loss and is recognized to the extent of the asset's carrying amount that would have been determined (after depreciation or amortisation, if applicable) if no impairment loss had been previously recognized. This reversal is recognized in surplus or deficit immediately.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)**

PENANG PORT COMMISSION
**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2020 (cont.)**

(i) Geran Tertunda

Geran tertunda terdiri daripada:-

- (i) Sumbangan modal dari kerajaan kepada SPPP terhadap pembangunan dan pembinaan infrastruktur marin bagi penggalakan industri kapal layar dan marina serta industri cruise. Geran dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.
- (ii) Perolehan hartanah, loji dan peralatan di bawah harga pasaran. Geran dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

(j) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila SPPP menjadi pihak yang terikat pada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali pengukuran awal untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit).

(ii) Pengukuran Seterusnya

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah tanpa diskaun tunai atau pertimbangan yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tak boleh dijual, diukur pada kos ditolak susut nilai, kecuali saham tersebut didagangkan di pasaran terbuka atau nilai saksamanya boleh diukur, di mana pelaburan tersebut boleh diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksamanya dapat diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos pelunasan atau kos ditolak rosotnilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit) ditafsir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosotnilai. Rosotnilai diukur seperti berikut:

(i) Deferred Grant

Deferred grants consist of:-

- (i) Capital contribution from the government to the PPC on the development and construction of marine infrastructure for the promotion of the yacht and marina industry as well as the cruise industry. Grants are amortised on a straight-line basis over their estimated useful lives*
- (ii) Acquisition of property, plant and equipment below market prices. Grants are amortised on a straight-line basis over their estimated useful lives*

(j) Financial Instruments

(i) Initial Recognition And Measurement

A financial instrument is a financial asset or financial liability recognised in the Statement of Financial Position when PPC becomes a party to the contractual provisions of the instrument.

A financial instruments is recognised initially at transaction price (including transaction costs except in the initial measurements of financial assets and financial liabilities that is measured at fair value through surplus or deficit).

(ii) Subsequent Measurement

Debt instruments that are classified as current assets or current liabilities are measured at the undiscount amount of the cash or other consideration expected to be paid or received unless the arrangement constitutes in effect, a financing transaction.

Investments in non-portable ordinary shares are measured at cost less depreciation, unless the shares are publicly traded or their fair value can otherwise be measured, in which case the investment are measured at fair value with the changes in fair value recognised in surplus or deficit.

All other financial assets or financial liabilities not measured at amortised cost or cost less impairment are measured at fair value with changes recognised in surplus or deficit.

All financial assets (except financial assets measured at fair value through surplus or deficit) are assessed at each reporting date whether there is any objective evidence of impairment. Impairment is measured as follows:

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

PENANG PORT COMMISSION
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2020 (cont.)

- a) Bagi instrumen diukur pada kos terlunas, amaun rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut.
- b) Bagi instrumen yang diukur pada kos tolak rosotnilai, rosotnilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

(iii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya akan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah luput atau selesai, atau hak tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu kepada pihak lain. Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul akan diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Apabila instrumen liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

(k) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dalam institusi kewangan berlesen matang tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan, baki bank dan wang tunai.

(l) Manfaat Pekerja

(i) Faedah Jangka Pendek

